

QADHA PUASA, FIDYAH & ZAKAT FITRAH

PROF MADYA DR ZURITA BINTI MOHD YUSOFF
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM, UniSZA

Pensyariatan Puasa

- Bulan Syaaban tahun ke-2 Hijrah
- Puasa umat Nabi Adam (13, 14 & 15hb), Nabi Isa (50 hr), Nabi Musa (40 hr), Nabi Dawud (selang sehari), Nabi Ibrahim, Nabi Ismail

Al-Baqarah:183 { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ } ►

- لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ : - membentuk insan bertakwa
- Tanda kehambaan, manfaat kesihatan

Hukum Meninggalkan Puasa Ramadan

Tanpa Uzur Syarie:

i- dengan tidak menafikan kewajipan puasa

❑ Hukumnya fasik, berdosa, dihukum penjara/ dikurung oleh pemerintah sehingga dia berpuasa

ii- dengan menafikan kewajipan puasa

❑ Hukumnya kafir dan sama seperti hukum murtad, dibunuh jika tidak bertaubat

(rujukan: al-Fiqh al-Manhaji)

Golongan yang Wajib Qadha Puasa

- Orang sakit yang ada harapan sembuh
- Orang yang sedang musafir
- Orang yang haid & nifas
- Orang yang melakukan perkara membatalkan puasa
- Orang yang sangat lapar atau dahaga
- Orang yang pengsan, pitam atau mabuk
- Orang yang melakukan pekerjaan berat

Orang sakit yang ada harapan sembuh

➤ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ وَعَلَىٰ الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۚ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ ۗ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

﴿ ١٨٤ ﴾

- **Maksudnya:** “(Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”

Imam Ba' Alawi di dalam karangannya "*Bughyah al-Mustarsyidin*":

- 1) Kerja berat itu tidak boleh ditangguh selepas bulan Ramadan.
- 2) Kerja itu tidak dapat dilakukan pada malam hari.
- 3) Kepayahan puasa yang tidak mampu ditanggung menurut kebiasaan.
- 4) Wajib niat puasa pada tiap-tiap malam dan tidak boleh berbuka puasa melainkan setelah datang kepayahan.
- 5) Mestilah berniat rukhsah ketika berbuka puasa supaya membezakan antara puasa yang dibenarkan berbuka dan yang tidak dibenarkan.
- 6) Jangan disengajakan untuk melakukan kerja berat supaya datang kepayahan sebagai alasan berbuka puasa.

(Rujuk **Bughyah al Mustarsyidin**: h184)

Fidyah Puasa

- Denda yang dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu ataupun sengaja melewatkan puasa ganti (qada') bulan Ramadhan.
- Suatu pemberian sebahagian daripada harta (makanan) kepada fakir miskin.

➤ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ عِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ
طَعَامُ مَسْكِينٍ ۖ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ ۗ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ ۖ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

- **Maksudnya:** “(Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”

Kaedah Pengiraan Fidyah

- 1 cupak beras x Bilangan Hari ditinggalkan x Bil Tahun
- $\frac{1}{4}$ daripada zakat fitrah (675-700 gm beras)
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu kali ke-6 penggal ke-13 yang bersidang pada 18 Ogos 2019 menetapkan bahawa kadar kiraan Fidyah adalah **BERGANDA** jika tidak menggantikan puasa tanpa uzur sehingga melangkaui tahun.
- Terengganu RM2, Pahang RM1.75, RM4, Sarawak RM1.90


Golongan yang Wajib Membayar Fidyah

Siapa Wajib Bayar Fidyah ?



Uzur & Sakit Tua

Uzur dan tiada harapan sembuh



Lalai

Melambatkan ganti puasa sehingga melangkaui tahun



Hamil

Bimbang keselamatan bayi dalam kandungan, Bimbang kesihatan dirinya




Meninggal dunia

Dibayar oleh waris-waris mengikut bilangan hari yang diketahuinya sahaja



Ibu menyusui anak

Bimbang kemudaran bayi susunya



- 1- **Uzur menunaikan puasa wajib**

- Terdiri daripada golongan yang menghadapi sakit, tidak mempunyai harapan untuk sembuh, atau golongan tua yang tidak mampu berpuasa.
- Kadar kiraan Fidyah adalah **TIDAK BERGANDA**

- 2- **Orang yang sakit tidak berpanjangan lalu berbuka kerana sakitnya**

- Tidak sempat menggantikan puasa sebelum ramadan berikutnya.
- Kadar kiraan Fidyah adalah **BERGANDA***


► 3- Perempuan hamil

► وَالْحَبْلَى وَالْمُرْضِعُ إِذَا خَافَتَا، يَعْني عَلَى أَوْلَادِهِمَا، أَفْطَرْتَا وَأَطْعَمْتَا

Maksudnya: “Sementara perempuan mengandung dan ibu yang menyusukan anak bimbang akan kesihatan anaknya, mereka juga harus berbuka dan wajib memberi makanan tersebut.”

► Riwayat Abu Daud (2318)

- bimbang keselamatan bayi yang dikandungnya
- Jika berbuka kerana bimbangkan diri sendiri, kadar kiraan Fidyah adalah **BERGANDA***
- Jika berbuka kerana bimbangkan anak, kadar kiraan Fidyah adalah **TIDAK BERGANDA**




- **4- Ibu yang menyusukan anak**

- bimbang akan memudaratkan bayi yang disusunya, wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan serta membayar fidyah.
- Jika berbuka kerana bimbangkan diri sendiri, Fidyah adalah **BERGANDA***
- Jika berbuka kerana bimbangkan anak, kadar kiraan Fidyah adalah **TIDAK BERGANDA**

- **5- Orang yang telah meninggal dunia**

- hendaklah disempurnakan bayaran fidyahnya oleh waris-warisnya mengikut bilangan hari yang ditinggalkan sebelum pembahagian pusaka dibuat.
- Kadar kiraan Fidyah adalah **BERGANDA***



- 6- **Melambatkan ganti puasa (Qada')**

- Mereka yang melambatkan ganti puasanya hingga telah melangkah tahun yang berikutnya (sehingga tiba bulan Ramadhan berikutnya), dikenakan denda membayar fidyah dan juga wajib menggantikan (qada') puasa yang ditinggalkan.
- Kadar kiraan Fidyah adalah **BERGANDA***

Apa itu **FIDYAH** ?

Fidyah ialah denda ke atas seseorang Islam yang telah baligh kerana meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu atau sengaja melewati puasa ganti (qada) Ramadan.

Sumber PPZ

KEADAAN / SITUASI	QADA	FIDYAH
Perempuan hamil yang bimbang keselamatan kandungan jika berpuasa Ramadan.	✓	✓
Bagi kes perempuan yang tidak berpuasa kerana bimbang keselamatan dirinya ketika hamil dan yang menyusukan anak, juga kerana haid atau pemusafir dan orang yang sakit kemudiannya sembuh, jika mereka tidak segera mengqada puasanya hingga masuk Ramadan tahun hadapan.	✓	✓
Perempuan yang menyusukan anak dan bimbang keselamatan bayinya jika berpuasa Ramadan.	✓	✓
Perempuan yang haid sehingga menghalangi puasa Ramadan dan tidak menggantikan puasanya sebelum Ramadan tahun berikutnya.	✓	✓
Orang tua yang sangat uzur dan tidak mampu berpuasa Ramadan.	✗	✓
Orang yang sakit dan tiada harapan sembuh.	✗	✓
Perempuan yang menyusukan anak dan bimbang keselamatan dirinya jika berpuasa Ramadan.	✓	✗
Perempuan hamil yang bimbang keselamatan dirinya jika berpuasa Ramadan.	✓	✗
Orang yang musafir dan berbuka kerana musafirnya.	✓	✗
Orang yang sakit sehingga tidak dapat berpuasa kemudian sembuh semula.	✓	✗

Kafarah Puasa

- Disebabkan melakukan persetubuhan pada siang hari
- Dikenakan ke atas lelaki (mengikut turutan kemampuan)
 - 1- membebaskan hamba
 - 2- berpuasa dua bulan berturut-turut
 - 3- memberi makan 60 orang fakir miskin

Zakat Fitrah

- Disyariatkan pada tahun ke-2 hijrah, pada 28 Ramadan
- **WAJIB:** Apabila terbenam matahari akhir Ramadhan
- **HARUS:** bermula pada malam 1 Ramadan
- **SUNAT:** Terbit fajar 1 Syawal sehingga sebelum solat sunat hari raya
- **MAKRUH:** Selepas solat sunat Aidilfitri sehingga sebelum Maghrib tanpa ada keuzuran
- **Haram:** Selepas 1 Syawal tanpa uzur


Jenis Dan Kadar Bayaran Zakat Fitrah

- 1. berdasarkan makanan asasi sesebuah negeri seperti beras.
- 2. satu gantang Baghdad bersamaan timbangan metrik 2.60 kilogram (2600 gram).
- 3. Nilai bagi kadar ini adalah berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada harga beras yang dimakan oleh kebanyakan penduduk Islam di sesebuah negeri.
- Terengganu: RM 22 (Basmathi) atau RM10 (biasa)

Syarat Zakat Fitrah

- 1- Sempit pada waktu yang diwajibkan zakat, sekurang2nya seketika pada akhir Ramadan & permulaan Syawal
- Merdeka
- Muslim
- Memiliki Lebihan Harta (makanan asasi untuk diri & orang yang ditanggung)

- *Miskin: Tidak memiliki lebihan harta selain keperluan diri dan tanggungannya pada malam dan siang hari raya
- *Fakir: mempunyai kurang daripada 50% sahaja daripada keperluan asasi

- 
- ▶ **لَتَوْبَةُ النَّصُوحِ النَّدْمُ بِالْقَلْبِ، وَالِاسْتِغْفَارُ بِالسَّانِ، وَالِاقْتِلَاعُ بِالْبَدَنِ، وَالِإِضْمَارُ عَلَيَّ أَلَا يَعُودَ**
 - ▶ **Maksudnya:** Taubat Nasuha ialah sesal dengan hati, istighfar dengan lidah, buang perlakuan maksiat dengan tubuh badan dan berazam tidak kembali semula. (Lihat: *Tafsir al-Qurtubi*, 18/198)